

**KAJIAN SENIBINA, PERANCANGAN DAN UKUR
JABATAN PENGURUSAN HARTANAH**

**TINJAUAN DAN ANALISA KESAN PEMBANGUNAN
TAMAN PERINDUSTRIAN PULAU INDAH
*KES KAJIAN PULAU INDAH SELANGOR DARUL EHSAN***

**SATU PROJEK YANG DISEDIAKAN SEBAGAI MEMENUHI SEBAHAGIAN
DARIPADA SYARAT UNTUK PENGANUGERAHAN
IJAZAH SARJANA MUDA PENGURUSAN HARTANAH (KEPUJIAN)**

DISEDIAKAN OLEH :
MAMIK EKO SOESSANTO

MEI 1997

PENGHARGAAN

Puji syukur kami panjatkan kehadiran Allah, kerana berkat rahmat, taufik dan hidayah-Nya disertasi ini dapat diselesaikan dalam masa yang diperuntukkan. Penulis menyadari disertasi ini tidak akan berjaya tanpa kerjasama, dukungan dan tunjukajar beberapa pihak.

Setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada En. Mokhtar Mohamed, selaku Penyelia Projek Tahun Akhir atas tunjukajar dan pandangan beliau bagi tujuan penulisan disertasi ini. Tidak ketinggalan kepada Pn. Sariah Bt. Ibrahim Koordinator Projek Tahun Akhir atas penerangan dan penyelarasan yang jelas. Juga kepada pensyarah-pensyarah Jabatan Pengurusan Hartanah yang telah memberi pandangan-pandangan yang berguna bagi melengkapkan penulisan disertasi ini.

Ucapan terima kasih juga kami tujukan kepada

- 1. Timbalan Pengarah Jabatan Penilaian Dan Perkidmatan Harta, Kementerian Kewangan Malaysia Negeri Selangor, En. Phuah Tick Lai.*
- 2. Kakitangan Jabatan Penilaian dan Perkidmatan Harta, Kementerian Kewangan Malaysia Negeri Selangor, terutama kepada Pn. Zamrudah Bt. Mohd. Idris.*

3. *Kakitangan Jabatan Penyelidikan dan Pembangunan Lembaga Pelabuhan Klang (LPK), terutama kepada En. Johari bin. Hasan*
4. *Kakitangan Jabatan Perancang Bandar dan Desa Negeri Selangor, terutama kepada Pn. Umi Kulsum.*
5. *Kakitangan Jabatan Pelancongan Negeri Selangor, terutama kepada En. Zaelani Bin. Kadir.*

Tidak lupa ucapan terima kasih kami tujukan pula kepada pihak yang telah terlibat secara langsung mahupun tidak langsung dalam penyempurnaan disertasi ini, terutama rakan-rakan pelajar Sarjana Muda (Kepujian) Pengurusan Hartanah. Mudah-mudahan bakti yang diamalkan menjadi amal soleh.

Mengakhiri penghargaan ini penulis berharap semoga disertasi ini dapat bermanfaat.

Semoga Allah meridloi.

MAMIK EKO SOESSANTO

ISI KANDUNGAN

TAJUK	
DEDIKASI	ii
PENGHARGAAN	iii
SINOPSIS	vi
ISI KANDUNGAN	xiii
SENARAI JADUAL	xviii
SENARAI CARTA	xix
SENARAI LAMPIRAN	xx

BAB 1 PULAU INDAH SELANGOR DARUL EHSAN

1.0	PENGENALAN	1
1.1	PULAU INDAH	
1.1.1	Keadaan Fisik Dan Geografi	2
1.1.2	Sosio Ekonomi Penduduk	6
1.1.3	Potensi Kawasan Tanah Rezab Melayu	7
1.2	IMPLIKASI PEMBANGUNAN PULAU INDAH DALAM ERA PEMBANGUNAN NEGERI SELANGOR DARUL EHSAN	
1.2.1	Selangor Pesatkan Pembangunan	9
1.2.2	Pulau Indah Dalam Era Pembangunan Industri Negeri Selangor	11
1.3	KESIMPULAN	12

SINOPSIS

1.0 PENGENALAN

Pulau Indah terletak di bahagian Kerajaan Negeri Selangor ianya terletak kurang lebih 25km dari Ibu Negeri Selangor - Shah Alam dan 48 km dari Kuala Lumpur. Lebih dari separoh pulau ini ditumbuhi oleh hutan bakau dan sisanya lagi merupakan Tanah Rizab Melayu yang di dalamnya ada beberapa buah kampung tradisional. Selari dengan kepesatan pembangunan yang dilaksanakan diberbagai-bagai bidang, kampung-kampung ini telahpun dilengkapi dengan beberapa fasiliti berupa sarana pendidikan, kesihatan, ibadah, telekomunikasi dan lain-lain.

Kepesatan pembangunan di negeri ini membolehkan pihak kerajaan berganding bahu dengan pihak swasta untuk melakukan pengembangan daerah-daerah tertentu termasuk pula kawasan Pulau Indah sebagai kawasan perindustrian. Ini sangatlah sesuai dengan matlamat kerajaan yang selalunya disebut dengan Wawasan 2020. Dan saat ini pula pembangunan-pembangunan fisik telah bermula di Pulau Indah dimulakan dengan pembangunan Pelabuhan Barat dan diikuti dengan pembangunan-pembangunan kawasan-kawasan yang berhampiran dengannya.